

BAB II

BAB II

LATAR BELAKANG KAJIAN

2.0. Pendahuluan

Menurut kajian sejarah, kedatangan masyarakat India ke Tanah Melayu adalah lebih awal sebelum kedatangan Portugis ke Melaka. Mereka sudah mengenali dengan baik wilayah Nusantara sebagai wilayah perdagangan yang strategi. Bahkan hubungan baik antara masyarakat India dan Melayu bukan hanya sekadar hubungan perdagangan semata-mata, tetapi juga hubungan politik, sosial dan agama. Para ulamak India yang turut serta untuk berniaga ke wilayah Nusantara mempunyai peranan penting terhadap proses *Islamisasi* di dunia Melayu. Bukti-bukti sejarah dan pengaruh masyarakat India di dunia Melayu tidak dapat dinafikan begitu sahaja. Memandangkan ia berkaitan dengan proses interaksi budaya antara masyarakat Melayu dan India yang saling berhubung mengenai perkembangan agama Islam pada awal kurun ke 14,15 dan 16 Masihi. Dalam kitab *Hikayat Raja Pasai* dan *Sejarah Melayu*, telah pun memberi maklumat yang penting tentang hubungan raja-raja melayu dengan kerajaan Mogul, khasnya pada masa Raja Akbar (1556-1605M). Pada masa itu banyak masyarakat intelektual, sastrawan, ahli perniagaan, sufi dan pendakwah India

telah pun datang ke kesultanan Melayu¹. Hubungan sejarah ini terus berkembang sehingga ke zaman penjajahan Inggeris dan kemerdekaan Malaysia sekarang ini².

Setelah mengalami proses sejarah yang cukup lama, mereka tidak hanya melakukan kegiatan-kegiatan perniagaan sahaja, tetapi mereka juga melakukan proses perkahwinan, dakwah, organisasi sosial masyarakat dan sebagainya. Masyarakat India akhirnya membentuk komuniti yang kuat di beberapa tempat di Malaysia, terutama di wilayah Semenanjung khususnya. Mereka secara aktif terlibat dalam berbagai-bagai kegiatan kemasyarakatan dan menjadi sebahagian golongan yang tidak dapat di pisahkan dari fungsi masyarakat dan negara Malaysia dalam erti yang lebih luas.

Komuniti-komuniti masyarakat India inilah yang kita jumpai akhirnya menunjukkan keunikan-keunikan tradisi dan memperkayakan kebudayaan Malaysia sebagai negara yang majmuk. Masyarakat India yang membentuk komuniti ini tetap mempertahankan adat istiadat atau adat resam seperti dalam acara-acara sempena kelahiran, perkahwinan, kenduri-kendara, kematian dan sebagainya³. Dalam mengamalkan budaya dan adat-adat ini, penghayatan nilai-nilai Islam di kalangan kaum India tersebut tidak dapat dipisahkan atau dibezakan di antara adat dan Islam. Justeru itu untuk melihat lebih dekat proses penghayatan agama masyarakat India Muslim tersebut, penulis melakukan penyelidikan penghayatan Islam mereka di Masjid India sebagai pusat kegiatan

¹ R.O. Winstedt (1938), "*The Malay Annal or Sejarah Melayu*", *Journal Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, 19, h.178-179; R. Jones (1987), *Hikayat Raja-Raja Pasai*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, h.37; V.I Braginski (1998), *Yang Indah, Berfaedah dan Kamal; Sejarah Sastera Melayu Abad 7-19*, Jakarta: INIS, h.324;

² Aminuddin Abu Bakar (1974), "*Suatu Penyiasatan Sosio-Ekonomi mengenai Orang-Orang Muslim Keturunan India di Kuala Lumpur*", (Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya, Oktober 1974), h.23.

³ *Ibid.*, h.12-20.

agama yang terletak di tengah-tengah kota, tempat perniagaan dijalankan. Hal tersebut menjadi fenomena yang sangat menarik untuk dikaji.

2.1. Lokasi Kajian dan Jumlah Penduduk

Dalam penyelidikan ini, penulis akan menumpukan kepada lokasi kajian di Masjid India dan juga masyarakat persekitaran masjid (sekitar 1 Km, dari Jalan Masjid India sehingga ke jalan Dang Wangi)⁴. Persekitaran Masjid India yang mempunyai kedudukan di tengah bandar raya Kuala Lumpur merupakan destinasi menarik untuk membeli belah di kalangan warga Kuala Lumpur ia mempunyai banyak pusat membeli belah yang dianggap murah oleh sesetengah warga kota⁵. Fungsi Masjid India sebagai tempat ibadah bagi umat Islam, sekurang-kurangnya memberi kemudahan bagi umat Islam khususnya pengunjung membeli-belah untuk menunaikan sembahyang sempena berkunjung ke lokasi tersebut. Daripada hasil penyelidikan, jumlah penduduk India Muslim yang ada di persekitaran Masjid India terdapat seratus orang. Dalam hal ini, penulis berusaha untuk menyelidiki dari dekat tentang aktiviti-aktiviti peniaga dan pengunjung (terutamanya dari kalangan India Muslim) di persekitaran Masjid India dan hubungannya dengan kegiatan keagamaan di Masjid India. Namun objektif penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji bukan jumlah penduduk yang mempunyai tempat tinggal di lokasi penyelidikan sahaja, tetapi meliputi jemaah Masjid India yang bukan penduduk di sekitar Masjid India. Sehingga kajian ini akan memperolehi dua data yang lengkap, iaitu data yang dikaji oleh penulis di Masjid India dengan data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

⁴ Sila rujuk kepada Lampiran B (Gambar 5, 13 dan 14) dan peta lokasi penyelidikan pada Lampiran C

⁵ Sila rujuk kepada peta lokasi penyelidikan pada Lampiran C

2.2 Biodata Populasi Penduduk

2.2.1 Pendidikan

Menurut data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (*Department of Statistics, Malaysia*) Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya Malaysia bahawa jumlah penduduk India Muslim di kawasan Masjid India, WPKL ialah 81 orang. Melalui maklumat yang diperolehi daripada jabatan tersebut, bilangan penduduk India Muslim mengikut jantina terdiri daripada 65 lelaki dan 16 perempuan⁶.

Peringkat pendidikan tertinggi yang dicapai oleh India Muslim di kawasan ini hanya 10% sahaja. Sekitar 90% daripada masyarakat India Muslim hanya memperolehi pendidikan menengah atas, menengah rendah dan sekolah rendah. Masyarakat India Muslim yang berumur 20 hingga 60 tahun, 25% daripada mereka hanya berpendidikan sekolah rendah⁷.

Bilangan penduduk India Muslim yang berpendidikan tinggi sangat kecil jumlahnya, bahkan jika dilihat dari segi jantina, kaum perempuan yang berpendidikan tinggi adalah 0%. Sebagian besar golongan perempuan India Muslim di kawasan ini hanya berpendidikan Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Rendah sahaja⁸.

⁶ Sila rujuk kepada Lampiran A, *Bilangan Penduduk India Muslim mengikut Jantina dan Peringkat pendidikan Tertinggi yang Dicapai*, Bahagian Banci Penduduk dan Perumahan, Jabatan Perangkaan Malaysia.

⁷ Ibid.

⁸ Ibid.

Dalam penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji terhadap 40 orang responden jemaah Masjid India. Terdapat perbezaan yang besar antara angka dari jabatan Banci dan hasil penyelidikan pengkaji, kerana jemaah Masjid India 80% daripada mereka tinggal di sekitar Kuala Lumpur, atau lebih daripada 10 Kilometer dari lokasi penyelidikan (Masjid India).

Jadual 2.1, Peringkat Pendidikan Tertinggi Yang dicapai Jemaah Masjid India

Peringkat Pendidikan Jemaah Masjid India	Bilangan	Peratus
Sekolah Rendah	5	12.5%
Sekolah Menengah	7	17.5%
Sekolah Menengah Atas	10	25%
Universiti	18	45%
Jumlah	40	100%

Sumber: Data ini merupakan hasil penyelidikan pengkaji daripada statistik soal-selidik yang dibahagikan kepada 40 orang responden.

Berpandukan jadual 2.1, maka dapatlah dikatakan bahawa daripada 40 responden yang pengkaji telah temui itu, 18 orang responden atau 45% daripadanya berpendidikan tinggi. Manakala 10 orang responden (25%) berpendidikan hanya sekolah menengah atas sahaja. 17% berpendidikan sekolah menengah serta 12.5% responden hanya berpendidikan sekolah rendah.

2.2.2 Ekonomi

Sektor ekonomi merupakan sektor yang tidak kurang pentingnya dalam sesebuah kehidupan, namun jika dibandingkan dengan pendidikan, sektor ekonomi masyarakat India di kawasan ini, masih tergolong daripada mereka yang berpendapatan rendah. Dalam soal selidik yang dijalankan oleh pengkaji terhadap 40 responden jemaah Masjid India, 9 daripada responden (22.5%) berpendapatan kurang dari RM 1000, 12 responden (30%) berpendapatan RM 1000 hingga RM 1700, 9 orang responden (22.5%) berpendapatan RM 1700 hingga RM 2200, 6 orang responden (15 %) berpendapatan RM 2200 hingga RM 3000, manakala 4 orang responden (10%) berpendapatan RM 3000 ke atas. Sila rujuk jadual 2.2.

Jadual 2.2, Pendapatan Bersih Perbulan Daripada Jemaah Masjid India

Pendapatan Bersih Perbulan Daripada Jemaah Masjid India	Bilangan	Peratus
Kurang dari RM 1000	9	22.5%
RM 1000 – RM 1700	12	30 %
RM 1700 - RM 2200	9	22.5%
RM 2200 - RM 3000	6	15%
RM 3000 - ke atas	4	10%
Jumlah	40	100%

Sumber: Data ini merupakan hasil penyelidikan pengkaji daripada statistik soal-selidik yang dibahagikan kepada 40 orang responden.

Berbandukan jadual 2.2, jemaah Masjid India sememangnya adalah golongan kelas menengah dan professional warga Malaysia yang

bekerja di sekitar Masjid India. Mereka kebanyakan adalah golongan peniaga, pegawai syarikat swasta dan pegawai kerajaan, serta golongan professional yang lain. Jelaslah di sini bahawa 22.5 % responden kemungkinan besar adalah warga India Muslim yang berada di sekitar Masjid India. Sementara itu, golongan yang berpendapatan RM 1000 – RM 1700, kemungkinannya sebahagian daripada mereka adalah penghuni atau warga sekitar Jalan Masjid India. Bakinya, yang berpendapatan lumayan RM 1700 ke atas adalah golongan kelas menengah dan atas masyarakat India Muslim yang merupakan jemaah tetap Masjid India. Namun, apa yang mendukacita penulis, sehingga akhir penulisan tesis ini, penulis masih belum mendapatkan data rasmi daripada Bahagian Banci Penduduk dan Perumahan, Jabatan Perangkaan Malaysia.

2.2.3 Politik

Pada amnya, masyarakat India Muslim di kawasan ini tidak aktif mengikuti mana-mana parti politik . Tetapi, ramai daripada mereka yang lebih memilih parti kerajaan, iaitu UMNO. Ini berpandukan kepada hasil yang diperolehi daripada temu bual dengan beberapa penduduk di sekitar kawasan ini menunjukkan bahawa hampir tidak ada mereka yang memilih parti pembangkang. Mereka kebanyakan lebih merasa selesa dan yakin untuk memihak kepada parti yang sedang berkuasa sekarang dengan program-program yang ditawarkan kepada mereka.⁹

⁹ Hasil temubual dengan Encik Rahman, Encik Abdul Halim, dan Encik Hj. Yunus, 10-10-2002, pukul 3.40 ptg. di Masjid India.

Dari hasil penyelidikan pada tahun 1974 yang dilakukan oleh Aminuddin Abu Bakar bahawa pada pilihanraya tahun 1955, 1959, 1964, dan 1969 masyarakat India 99% tidak mengundi mana-mana parti¹⁰. Namun, menurut beliau pada pilihanraya tahun 1974, terdapat 99% kaum India di Kuala Lumpur dan seluruh Malaysia mengundi UMNO, hanya 1 peratus mengundi MIC.¹¹

Dari hasil yang dikaji oleh penulis menunjukkan bahawa masyarakat India Muslim yang merupakan jemaah di Masjid India tidak menggunakan masjid sebagai medan untuk kepentingan politik tertentu.

Jadual 2.3, Perkara-Perkara yang Paling Diminati oleh Jemaah dalam Ceramah Agama di Masjid India

Perkara yang diminati oleh jemaah dalam ceramah agama di Masjid India	Bilangan	Peratus
Politik semasa	2	5%
Ekonomi	1	2.5%
Ibadah harian	15	37.5%
Aqidah Islam	10	25%
Ilmu-ilmu Islam	10	25%
Lain-lain	2	5%
Jumlah	40	100%

Sumber: Data ini merupakan hasil penyelidikan pengkaji daripada statistik soal-selidik yang dibahagikan kepada 40 orang responden.

Berbandukan jadual 2.3, maka dapatlah disimpulkan bahawa daripada 40 responden yang telah pengkaji temui itu, 15 (37%) orang lebih berminat perkara ibadah sehari-hari, 10 orang berminat mengenai

¹⁰ Aminuddin Abu Bakar (1974), *op. cit* h. 88.

¹¹ *Ibid.*, 90-91.

aqidah Islamiyah (25 %), 10 orang berminat mengenai ilmu-ilmu Islam (25%). Kemudiannya, 2 orang sahaja (5%) yang berminat mengenai politik semasa dan 1 orang (2.5%) berminat mengenai ekonomi. Jadi, jemaah Masjid India walaupun mereka mengambil bahagian dan mengundi salah satu parti tetapi tidak menjadikan masjid untuk kegunaan parti.

2.3 Sejarah Kedatangan India Muslim

Kalau melihat kepada sejarah kedatangan India Muslim di Malaysia seperti mana pengkaji telah sebutkan pada pendahuluan di atas, ia tidak dapat dielakkan dari sejarah kedatangan Islam di Nusantara. Sebagaimana teori kedatangan Islam yang dikemukakan oleh ramai sarjana asal daripada Belanda, bahawa Islam yang sampai ke Nusantara adalah Islam yang dibawa oleh para saudagar dari India (Gujarat dan Malabar), bukannya dari Arab atau Parsi. Sebenarnya yang mula-mula menggunakan teori ini ialah sarjana Belanda dari Universiti Leiden, Prof. Pijnappel, kemudian diteruskan oleh Snouck C. Hurgronje.¹² Pendapat Hurgronje ini kemudian menjadi terkenal dan sebahagian Orientalist yang mengkaji wilayah Asia Tenggara ini bersetuju dengan pendapat beliau, seperti, Mouquette yang memperkuat pendapat tersebut dan disokong oleh D.G.E. Hall dalam bukunya berjudul *A History of South-East Asia*, beliau mendukung teori ini dan mengatakan bahwa India Muslim, baik daripada Gujarat atau Bengali, mengambil bahagian yang sangat penting dalam penyebaran Islam

¹² Sila rujuk G.W.J. Drewes (1968), "New Light on the Coming Islam to Indonesia?", *BKI*, 124, h.439-440. Untuk melihat sejauhmana teori-teori kedatangan Islam di Nusantara sila rujuk Mahyuddin Hj. Yahaya, Ahmad Jelani Halimi, (1993), *Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur, Fajar Bakti Sdn. Bhd., h.83; dan Azyumardi Azra (1994), *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*, Bandung: Mizan, h. 24-36.

di Nusantara. Teorinya tersebut berdasarkan penemuan mengenai batu nisan di Pasai khususnya yang bertarikh 17 Zulhijjah 831 Hijriyah atau 27 September 1428 dan makam Maulana Malik Ibrahim di Gresik, Jawa. Menurutnya penemuan itu mempunyai kesamaan dengan batu nisan daripada Gujarat.¹³ Pendapat R.O. Winstedt juga semakin memperkuat teori tersebut, beliau meyakini bahawa kesamaan batu nisan di Bruas, Pasai dan Gresik merupakan bukti adanya import Islam daripada Gujarat¹⁴. J. Gonda dalam bukunya bertajuk *Sanskrit in Indonesia*¹⁵ dan Vlekke dalam bukunya bertajuk, *Nusantara: A History of the East Indian Archipelago*¹⁶, serta Schrieke dalam buku bertajuk, *Indonesian Sociological Studies I*¹⁷, semuanya memperkuat pendapat sebelumnya. Antara alasan yang dikemukakan oleh mereka bagi mengukuhkan teori ini ialah: a) Batu-batu nisan awal yang dijumpai di Asia Tenggara ini telah diimport dari Kumbhat (Kembayat) di Gujarat; b) Peranan yang sangat penting telah dimainkan oleh pedagang-pedagang Gujarat di kepulauan Melayu dan kesannya terhadap penyebaran Islam; c) Tradisi kesusasteraan Melayu yang lebih mirip kepada tradisi Islam India.

Menurut Azyumardi Azra, sarjana Belanda bernama Mouquette dan RA Kern pula mengemukakan teori bahawa Gujarat sebagai tempat asal Islam di India. Mereka mengungkapkan bukti tentang adanya persamaan batu nisan di Pasai (1428) dan di Gresik (1419) dengan batu nisan di Gujarat. Kesan sejarah yang dijumpai oleh Mouquette pada tahun 1912 di mana terdapat batu makam

¹³ D.G.E. Hall (1946), *A History of South-East Asia*, London: Macmillan, h.190-191.

¹⁴ R.O. Winstedt (1935), "History of Malaysia", *JMBRAS*, 13,1, h.29.

¹⁵ J. Gonda (1952), *Sanskrit in Indonesia*, Bagpur: International Academy of Indian Culture, h. 4-5.

¹⁶ B.H.M. Vlekke, *Nusantara: A History of the East Indian Archipelago*, Cambridge: Harvard University Press, 38-39,52, 70-71.

¹⁷ B.J.O. Schrieke, *Indonesian Sociological Studies I*, Den Haag dan Bandung: Van Hoeve, h.1-15.

Maulana Malik Ibrahim di Gresik (1419)¹⁸. Teori kedatangan Islam dari Gujarat ini kemudiannya di cabar oleh G.E. Morison, baginya ketika samudra Pasai diislamkan, Gujarat dan daerah-daerah lain di India masih beragama Hindu. Menurutnya, Benggal lebih dahulu memeluk Islam, iaitu pada awal abad ke 13 Masihi, juga berasaskan kepada pegangan mazhab Gujerat iaitu bermazhab Hanafi, manakala Nusantara seperti Benggala, bermazhab Syafi'i. Menurut Morison, penyebaran Islam tersebut bukan dari Gujarat sahaja, tetapi daripada Coromandel pada akhir kurun ke-13¹⁹. Batu nisan Malik al-Saleh (1297) berbeza dengan batu nisan Maulana Malik Ibrahim di Gresik (1419). Jika hanya berpendapat batu nisan Malik al-Saleh juga berasal dari Gujarat adalah kurang tepat, kerana Gujerat memeluk Islam menjelang akhir abad ke 13 Masihi. Setelah itu hubungan perniagaan dengan nusantara bertambah rancak dan batu-batu nisan Gujarat memang digemari²⁰.

Mengenai persamaan mazhab, ada yang berpendapat bahawa Islam datang dari Malabar, sebab kawasan tersebut menganut mazhab Syafi'i. Teori mazhab ini dikukuhkan dengan peranan Fakir Muhammad yang berasal dari Sana (Malabar) dan mengislamkan Merah Silu (Malik al-Saleh) di Pasai. Tetapi, pendapat ini ditolak oleh Hamka, disebabkan Malabar atau Mu'tabar yang bermakna tempat persinggahan, hanyalah menjadi tempat persinggahan Syeikh Ismail yang diutus oleh Syarif Mekah untuk mengIslamkan Merah Silu. Di Malabar inilah beliau dan disertai oleh Fakir Muhammad, bekas seorang raja Sultan Muhammad adalah keturunan Abu Bakar al-Siddiq dan bukan orang

¹⁸ Sila rujuk Azyumardi Azra (1994), *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*, Bandung: Mizan, h. 24-36; Abdul Rahman Haji Abdullah, (1984), *Sejarah Pemikiran Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Pena Sdn Bhd, h. 316.

¹⁹ G.E. Marrison (1951), "The Coming of Islam to the East Indies", *JMBRAS*, 24, I (1951), h. 31-37.

²⁰ Ibid. 35-36.

Malabar jati.²¹ Arnold berpendapat bahawa Islam yang dibawa ke Nusantara berasal daripada Coromandel dan Malabar, beliau menyokong teori ini dengan menunjukkan kepada kesamaan mazhab fiqh yang dianut di dua kawasan tersebut.²²

Orientalis bernama Van Rangel pun menganggap bahawa Islam dibawa daripada India Selatan dengan alasan bahawa bentuk popular Islam seperti ciri-ciri mistik, sastera, seni bina rumah, dan sebagainya di Indonesia itu berasal dari sana dan bukannya terus daripada Arab.²³ Seperti perkataan “lebai” adalah istilah di India selatan yang diambil dari perkataan saudagar.²⁴

Dari semua penjelasan dan pendapat para pakar sejarah, bahawa kedatangan orang-orang Islam keturunan India mempunyai pertalian yang rapat dengan kedatangan Islam ke Nusantara. Tetapi, kalau mengambil pendapat Aminuddin Abu Bakar, mengenai kedatangan orang-orang India Muslim ke Malaysia, kebanyakan mereka dari Selatan India, khususnya dari tempat yang terletak berhampiran pantai Coromandel dan pantai Malabar²⁵. Golongan ini bukan sahaja bijak dalam bidang perniagaan tetapi juga cekap dalam hal-hal pelayaran. Kelebihan yang ada pada mereka itu menyebabkan mereka berani menjelajah ke rantau Asia Tenggara khususnya ke Tanah Melayu, di mana

²¹ Abdurrahman., *op.cit.* h. 316.

²² T.W. Arnold (1913), *The Preaching of Islam; A History of the Propagation of the Muslim Faith*, London: Constable, 364-365.

²³ *Ibid.*, h.316.

²⁴ Dr. Wan Husain Azmi, (1980), *Islam di Malaysia; Kedatangan dan Perkembangan (Abad 7-20) Tamadun Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h.138.

²⁵ Aminuddin Abu Bakar (1974), *op. cit* h. 31.

peluang-peluang untuk mendapatkan barangan perdagangan lebih banyak didapati di Nusantara.²⁶

Ada kemungkinan bahawa orang – orang India Muslim datang ke Tanah Melayu setelah Islam tersebar luas ke seluruh Nusantara, tetapi mengenai tahun, penulis masih melihat ada perselisihan pendapat, walaupun bagaimanapun penulis lebih bersetuju dengan pendapat Aminuddin Abu Bakar bahawa sehingga tahun-tahun 1940an orang-orang India Muslim dari Selatan India ini telah mula bertapak di tanah Melayu. Golongan ini memang diakui sangat termasyhur di India dalam *retail trade*. Kedudukan mereka sebagai peniaga Muslim dapat diterima dengan mudah dan baik oleh penduduk tempatan sehingga dapat menjual pelbagai barangan yang dibawa daripada India ke kampung-kampung di Tanah Melayu. Golongan dari Selatan India ini, biasanya berasal daripada Tamil Nadu, Tajore dan Rannal dan terdapat pula dari Malabar Muslim iaitu satu komuniti yang sudah turun temurun berkecimpung dalam bidang perniagaan.²⁷ Hingga sekarang, kita masih menjumpai kaum India Muslim bermatapencarian di dalam bidang perniagaan seperti pakaian, emas, penukaran wang dan sebagainya, semuanya merupakan usaha turun-temurun yang dilakukan oleh kaum India Muslim di negara kita.

Walaupun ada perselisihan pendapat tentang teori kedatangan Islam di Nusantara yang terjadi di antara para pakar sejarah, baik dari Orientalis atau sejarawan Muslim, namun, tidak dapat dinafikan bahawa bukti-bukti sejarah yang dijumpai memang dapat dijadikan sebagai alasan yang rasional. Maknanya, bukti

²⁶ Ibid., h.31.

²⁷ Ibid., h.32.

sejarah memang dapat dikatakan cukup logik, tetapi kita tidak dapat mengatakan bahawa ia merupakan satu-satunya alasan, kerana banyak unsur-unsur dari teori lain yang juga merupakan kekuatan yang sama. Persoalannya ialah sejauhmana peranan unsur-unsur lain yang juga mempunyai kekuatan yang seumpama itu dalam proses pengislaman di Nusantara. Sehingga timbul persoalan, mana yang lebih dahulu menyebarkan Islam ke Tanah Melayu menjadi tidak relevan. Pengaruh tradisi dari Jazirah Arab sendiri cukup kuat di Tanah Melayu bahkan menurut laporan sejarah daripada Cina, bahawa 40 tahun selepas Rasulullah wafat, sudah ada komuniti Muslim di Sumatra. Syed Muhammad Naquib al-Attas menyokong pendapat ini, ia mengatakan bahawa dunia Arab sudah pun mengenal Tanah Melayu lebih awal sebelum Islam²⁸.

Sejarawan, seperti, Azyumardi Azra pun berpendapat bahawa proses Islamisasi Nusantara tidak dapat dilihat daripada satu aspek penyebaran, kerana ia merupakan proses yang melibatkan banyak segi dalam sejarah. Beliau tidak menafikan unsur-unsur pengaruh Jazirah Arab, India, Parsi, dan Turki dalam proses pengislaman Tanah Melayu. Tetapi, yang menjadi perhatian beliau adalah jaringan yang dibangunkan oleh para ulamak sejak abad ke 17 sehingga abad ke 18 sangat kuat di dunia Melayu. Dan Jaringan ulamak tersebut tidak hanya

²⁸ Prof. Al-Attas juga sependapat dengan kalangan sejarawan dan mufasir seperti Hamka, Salhan Harun dan pakar sejarah lain yang berpendapat bahawa kata "kafir" dalam al-Qur'an adalah merujuk pada *kafir barus* dari Sumatra (Barus adalah sebuah bandar lama di wilayah Sumatra Utara Indonesia). Yakni sejenis kemenyan atau kapur barus yang di ambil dari ranting-ranting dan pokok-pokok yang dijadikan oleh kaum Anisme dan Dinamisme sebagai sesaji dan pengharum ruangan. Kapur dari Barus ini merupakan barangan yang cukup terkenal sejak abad ke 5 dan 6 Masehi. Menurut al-Attas, maka tidak ada pertanyaan apa itu kafir dalam al-Qur'an ketika Rasulullah membacakan ayat al-Qur'an tersebut, kerana sebenarnya masyarakat jahiliyah sudah mengetahui makna kafir itu dan sudah mengenal dengan baik. Sehingga dapat dikatakan bahawa dunia Arab Jahiliyah pun sebenarnya sudah mengetahui wilayah Nusantara jauh sebelum kenabian baginda Rasulullah. Lihat Mat Rofa Ismail, (1994), *Mantik, Matematik dan Budaya Ilmu; Pendekatan Bersepadu dalam Tradisi Pengajian Islam*, Kuala Lumpur, Penerbit University Malaya, h. 217-219. Osman Bakar, "Sufism in the Malay-Indonesian World" dalam ed. Syed Hossein Nasr (1997), *Islamic Spirituality: Manifestations*, New York, The Crossroad Publishing Company, h. 259-262.

berasal dari beberapa daerah seperti Gujarat, Parsi dan Turki, namun ianya merupakan jaringan antarbangsa yang berpusat di tanah Arab dan dikembangkan ke seluruh negeri-negeri Islam masa itu.

Penulis tidak mungkin membahas semua teori kedatangan Islam di Nusantara secara terperinci, kerana masing-masing mempunyai pembuktian hujah yang cukup kuat dalam beberapa segi. Tetapi, gambaran di atas hanya untuk menunjukkan bahawa masyarakat India memang mempunyai peran yang cukup besar dalam sejarah Nusantara. Hal tersebut hanya membuktikan bahawa kedatangan masyarakat India memang telah cukup lama di Nusantara.

Penulis berpendapat bahawa, teori kedatangan Islam melalui ulama-ulama Arab atau Parsi berketurunan Arab seperti hujah yang diungkapkan oleh Prof Al-Attas pun tidak dapat dinafikan begitu sahaja. Kerana, bukti sejarah tidak hanya terdapat pada dasar-dasar arkeologi, tetapi pada tradisi, budaya dan bahasa yang dipengaruhi oleh Arab justeru merupakan bukti pengaruh ulamak Arab di Nusantara sejak dahulu lagi. Tradisi intelektual Muslim yang dikembangkan oleh para sufi dalam tasawuf dan tarekat merupakan bukti proses islamisasi di Nusantara yang tidak dapat dinafikan²⁹ Jadi penulis berkesimpulan bahawa bukan hanya India yang mempunyai saham kepada penyebaran Islam di Nusantara, tetapi pengaruh ulama-ulama Arab, Parsi, Turki dan kawasan Timur Tengah yang lain juga memainkan peran yang sangat penting.

²⁹ Muhammad Naquib Al-Attas (1972), *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur: University Kebangsaan Malaysia, 33-34; dan sila rujuk, Al-Attas (1969), *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1.

Kedatangan masyarakat India di Tanah Melayu dapat dibahagikan kepada 3 peringkat. **Pertama**, masa sebelum Zaman kolonial. Pada masa ini masyarakat India telah melakukan hubungan perdagangan dengan masyarakat Melayu serta berdakwah di beberapa tempat seperti Melaka, Aceh, Pulau Pinang, Perlis dan Kedah yang kemudian berkembang ke pelusuk kampung. Pada masa ini, imigrasi yang dilakukan oleh masyarakat India (terutamanya daripada Gujarat) ke Tanah Melayu adalah kehendak dan keinginan sendiri atau panggilan agama untuk menyebarkan agama Islam.³⁰ Hal tersebut berbeza dengan imigrasi pada masa British di masa kedua. **Kedua**, pada masa kolonial British. Pada masa ini ramai imigrasi orang-orang India ke Tanah Melayu adalah untuk memenuhi kekurangan tenaga buruh di ladang-ladang getah. Pihak British yang menguasai pemerintahan Tanah Melayu dan juga India, telah menggunakan dua cara untuk memudahkan lagi usaha tersebut; mula-mulanya sistem “kangani” dan kemudiannya telah digantikan dengan sistem “*indenture*”.³¹ **Ketiga**, masa penjajahan Jepun dan awal kemerdekaan Malaysia. Pada masa ini imigrasi masyarakat India bukan lagi kerana alasan penyebaran agama atau anjuran pemerintah kolonial British, tetapi merupakan lanjutan daripada dua proses masa yang berkembang sebelumnya.³²

Dalam penyelidikan yang dilakukan oleh Aminuddin Abu Bakar pada tahun 1974 mengenai kedatangan India Muslim di Kuala Lumpur, beliau mengatakan bahawa sebahagian besar (57.7 %) masyarakat India berasal daripada

³⁰ Sila rujuk M.A.P. Meilink-Roelofs, (1962), *Asian Trade and European Influence in the Indonesian Archipelago between 1500 and about 1630*, The Hague: Martinus Nijhoff, h. 20,21, 50-56; J.C. van Leur, (1967), *Indonesian Trade and Society: Essays in Asian Social and Economic History*, The Hague: W.van Hoeve Publishers Ltd, h. 64-69,92, 98-99,160-162.

³¹ Aminuddin Abu Bakar (1974), *op. cit.* h.31-33.

³² *Ibid.*, h.31-33.

Madras. Manakala 11 % daripada bandar Nagapattinam. Dan yang lainnya berasal daripada Tanjore, Kerala, Rajaghiri, dan tempat-tempat lain di India³³.

2.3.1. Kaitan India Muslim dengan “Mamak”

Kata “Mamak” mempunyai makna yang berbeza-beza. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka memberi takrif yang menarik dalam hal ini³⁴:

- 1.) Perkataan Mamak digunakan dalam konteks komuniti Minangkabau membawa makna: Saudara Ibu lelaki atau dalam komuniti Melayu dikenali sebagai bapak saudara. Selain daripada itu kalau perkataan itu digabungkan menjadi “nenek Mamak” ianya membawa makna penghulu adat atau orang-orang tua yang bijaksana.
- 2.) Perkataan Mamak, digunakan dalam sastera Melayu lama, oleh raja-raja sebagai sebutan kepada pembesar-pembesar negeri, umpamanya menteri (menjadi mamak menteri) atau bendahara (menjadi mamak bendahara).

Dengan mengambil takrif yang kedua dari kamus Dewan Bahasa dan Pustaka dan sejarah mengenai orang-orang India Muslim di zaman kegemilangan Melaka, mereka bukan sahaja terkenal dalam bidang perniagaan tetapi mereka juga ramai yang menjadi pembesar kepada raja-raja Melayu dalam menguruskan pentadbiran negara. Jadi panggilan mamak bagi orang-orang India Muslim itu sudah melekat semenjak kerajaan

³³ Ibid., h.31-33.

³⁴ Teuku Iskandar, (1970), *Kamus Dewan*, Edisi Ketiga Cetakan Keempat Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 852

Melaka, kerana masa itu orang-orang India Muslim banyak yang tinggal dan menjadi pekerja pejabat pentadbiran kerajaan atau negeri. Tetapi panggilan *mamak* itu bukan hanya diutamakan pada orang-orang India Muslim sahaja, dalam pertuturan Melayu lama juga membawa maksud “mamak kecil” dan juga “mamak tua”³⁵.

Menurut Aminuddin Abu Bakar, bagi kaum Melayu di Malaysia, mereka telah pun mempunyai berbagai-bagai gelaran yang khas untuk menandakan kaum non Melayu. Untuk merujuk kepada lelaki Cina, yang tua dipanggil “apek”; yang dewasa dengan gelaran “tauke” (maksudnya tuan-punya kedai); dan bagi yang perempuan pula, “nyonya” (untuk wanita yang telah berkahwin) dan “amoi” (untuk gadis).³⁶ Manakala, bagi komuniti India non Muslim pula, terdapat bermacam-macam gelaran. Panggilan “tambi” untuk gelaran kepada lelaki. Manakala, bagi perempuan yang telah berumah tangga dipanggil “aci” dan gelaran “tanggaci” untuk panggilan gadis. Namun demikian, pada amnya, panggilan tersebut digunakan jikalau nama sebenar seseorang tersebut belum diketahui³⁷.

2.4 Sejarah Pembinaan Masjid India

Masjid India telah dibina pada tahun 1863 dan merupakan masjid tertua di lokasi ini semenjak penubuhan bandar raya Kuala Lumpur. Seperti yang diungkapkan oleh sejarawan Mr J.M. Gullic, bahawa Masjid India adalah masjid

³⁵ Ibid. 340; Aminuddin Abu Bakar (1974), *op. cit.* h. 31-33.

³⁶ Ibid.42.

³⁷ Ibid.,39.

yang pertama yang terletak di barat laut Tanah Melayu dan para jemaah masjid menggunakan sungai Klang untuk mengambil air wuduk³⁸.

Selain daripada Masjid India, pada masa itu, terdapat pula satu lagi masjid di kawasan lain Kuala Lumpur, yakni, masjid yang terletak di jalan Java (sekerang dikenal dengan jalan Tun Perak, di sebelah Syarikat Gian Sight). Namun sayangnya, masjid yang masa itu dibangun oleh masyarakat Muslim Melayu Kampung Rawa tersebut sudah dirobohkan.³⁹

Menurut kajian yang di perolchi pada tahun 1945 Masjid India telah pun dibina semula supaya dapat menampung jemaah masjid kira-kira 1000 orang jemaah. Namun walaupun dengan pembinaan masjid tersebut ia masih belum mampu menampung jumlah umat Islam yang menggunakan Masjid itu. Pada awal pembinaan Masjid India, ia hanya dibina dengan menggunakan bingkai papan dan kayu sahaja⁴⁰. Masjid yang dibina dengan sederhana ini kemudiannya diubahsuai secara berperingkat-peringkat dan berulang-ulang, kerana tidak mampu menampung jemaah masjid ketika itu⁴¹.

Pada tahun 1963 kemudian bangunan Masjid India yang lama dirobohkan dan dibina semula Masjid India yang baru dengan 3 tingkat seperti yang kita lihat pada hari ini⁴² yang dapat menampung 3500 jemaah. Pada tahun 1966 Masjid India, secara rasminya dibuka oleh Sultan Selangor. Sebahagian besar dana

³⁸ Badan Warisan Malaysia, http://badanwarisan.org.my/projects/trails/jalan_tar/trails01.html, 12 November 2002.

³⁹ Ibid.

⁴⁰ Hasil temubual dengan Encik Hj. Yunus, 10-10-2002, pukul 3.40 ptg. di pejabat Pengurusan Masjid India.

⁴¹ Badan Warisan Malaysia, *op.cit.*, 12 November 2002.

⁴² Dokumentasi dari Jabatan Pengurusan Masjid India.

pembinaan masjid ini merupakan derma daripada masyarakat India Muslim, dan selebihnya hasil daripada sumbangan daripada Federal Government sejumlah RM 75,000 dan RM 25,000 daripada Kerajaan Negeri Selangor.⁴³

Dalam usaha untuk terus mengekalkan bangunan masjid bersejarah yang dikenali ramai oleh masyarakat tempatan di Malaysia dan menjamin keselesaan untuk beribadah di masjid India, pihak pengurusan masjid sentiasa menjaga dengan baik tempat ibadah tersebut. Pada 23 haribulan September 2002, dengan tidak merosakkan warisan lama seperti ukiran-ukiran asal, Masjid India diubahsuai semula untuk memperindahkan ruangan masjid. Pada bahagian dindingnya dipasang dengan batu granit yang berwarna merah delima dan dihiasi dengan lampu-lampu yang berkuasa tinggi menerangi seluruh bahagian bangunan masjid dengan terang. Renovasi bangunan ini dijangkakan akan selesai sehingga akhir tahun 2002⁴⁴.

2.4.1 Struktur Bangunan atau Seni Bina

Apa yang amat dikesali oleh penulis ialah, pihak pengurusan Masjid India tidak memiliki atau menyimpan gambar-gambar Masjid India pada masa lampau sebagai bahan kajian. Setakat ini, penulis belum menemui dokumen Masjid India lama sebagai bukti-bukti sejarah untuk menyokong penyelidikan ini. Meskipun demikian, usaha mengubah suai dan membangunkan Masjid India pada tahun 1963 tersebut dapat dikatakan sebagai usaha masyarakat India dalam

⁴³ Ibid.

⁴⁴ Badan Warisan Malaysia, *op. cit.* 12 November 2002; Hasil temubual dengan Encik Hj. Yunus, 10-10-2002, pukul 3.40 ptg. di pejabat Pengurusan Masjid India.

mengkalkakan tempat ibadah umat Islam yang telah diwariskan oleh nenek moyang mereka suatu ketika dahulu. Bahkan, masjid ini kemudian menjadi tempat ibadah yang sangat penting bagi umat Islam hingga sekarang⁴⁵.

Seni bina bangunan Masjid India ini mempunyai daya tarikan yang sangat mengagumkan. Ukiran-ukiran kayu pada bahagian sekeliling dinding dan jendela berunsurkan tradisi India yang unik dan menarik. Memang terdapat usaha untuk meletakkan beberapa unsur seni bina tempatan dan Timur Tengah, namun pengaruh seni bina Indianya lebih kuat. Jelas menunjukkan pembuatnya memiliki kepakaran seni bina yang cukup tinggi dalam menghias bangunan masjid yang mempunyai tiga tingkat itu. Menara yang cukup tinggi terletak di depan bahagian tengah dan berhiaskan kubah-kubah kecil pada sudut-sudutnya seolah-olah menggambarkan kejayaan umat Islam dan semangat ukhuwah Islamiyah dalam ikatan tauhid. Menara yang ada di hadapan Masjid India ini mengingatkan kita pada Qutubminar di Masjid Quwwat Ul Islam yang dibangun pada tahun 1206 di India.⁴⁶

Menurut Amir Zigroo, professor *Islamic Art and House of Worship* (seni Islam dan rumah ibadah) di International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC) Kuala Lumpur mengatakan bahawa Qutubminar sememangnya memberi inspirasi kepada seni bina di Masjid India tersebut, bahkan Menara Petronas pun mengambil idea

⁴⁵ Hasil temubual dengan Encik Hj. Yunus, 10-10-2002, pukul 3.40 ptg. di pejabat Pengurusan Masjid India.

⁴⁶ Sila rujuk pada Lampiran B (Gambar 5).

dari Qutubminar pada konsep-konsep seni binanya. Membentuk seperti silinder dengan lapisan-lapisannya membentuk setengah lingkaran kecil mengelilingi bangunan serta mempunyai tiga tingkat payung yang membuat menara menjadi menarik.⁴⁷

Pada tingkat bawah masjid tersebut digunakan sebagai bilik-bilik imam dan bilal, pejabat pengerusi masjid dan dewan musyawarah. Kemudian di tingkat atasnya digunakan sebagai ruang utama masjid, mengandungi tempat imam dan mimbar digunakan untuk sembahyang bagi lelaki dan pada tingkat ketiga, paling atas, digunakan untuk jemaah perempuan.

Pada ruangan bawah sebelah kanan masjid digunakan sebagai tempat mengambil air sembahyang, tandas, tempat menyimpan barang dan alas kaki untuk perempuan. Sementara itu, di ruang bawah tepi pada bahagian kiri, dengan struktur dan kegunaan yang sama seperti di bahagian kanan, digunakan untuk jemaah lelaki. Sebenarnya, semua ruangan pada ketiga-tiga tingkat masjid ini sangat fleksibel, dewan musyawarah pada tingkat bawah pun dapat digunakan sepenuhnya untuk solat Jumaat, iaitu ketika jemaah yang ramai. Bahkan boleh dikatakan, hampir setiap sembahyang Jumaat, jemaah solat sehingga memenuhi halaman depan dan luar pagar masjid sehingga ke jalan di depan masjid.

⁴⁷ Temubual dengan Prof. Amir Zegroo di ISTAC, Kuala Lumpur, 12 Desember 2002. 1.35 pg. di kampurnya Pusat Bandar damansara.

2.4.2 Pembiayaan Pembinaan Masjid

Salah satu perkara yang harus dijadikan contoh bagi umat Islam di Malaysia adalah pembiayaan pembinaan Masjid India, kerana sebahagian besar pembangunan masjid tersebut menggunakan dana hasil kutipan daripada jemaah masjid dan sumbangan para dermawan, khususnya India Muslim. Pembiayaan pembinaan masjid dari bantuan atau sumbangan dari kerajaan Malaysia hanya diberikan pada tahun 1960an, iaitu RM 75,000 dari Pemerintah Federal dan RM 25,000 daripada Kerajaan Selangor. Manakala, untuk kos pemeliharaan dan pentadbirannya semua mengaharapkan bantuan dan sumbangan daripada dermawan. Kesedaran sosial dan semangat ukhuwah Islamiyah masyarakat Muslim India, jemaah masjid, para peniaga di persekitaran Masjid India memainkan peranan yang sangat penting dalam pembiayaan pembinaan Masjid India sejak pembinaannya pada tahun 1963. Pembiayaan pembinaan semula masjid pada tahun 1963 ini telah mengeluarkan perbelanjaannya kira-kira RM 400.000,00 yang di perolehi melalui hasil kutipan derma jemaah masjid, para peniaga muslim dan para dermawan di persekitaran Masjid India⁴⁸.

Pengubahsuaian fasa kedua Masjid India yang dijalankan semenjak tahun 2001 ini menggunakan peruntukan sebanyak RM 1.3 juta. Menurut maklumat yang diberikan oleh kakitangan Masjid India, semua dana tersebut merupakan sumbangan daripada para dermawan,

⁴⁸ Badan Warisan Malaysia, *op. cit.*, 12 November 2002.

ahli jemaah dan peniaga India Muslim khasnya di persekitaran Masjid India⁴⁹. Semangat gotong royong dan sifat bertanggungjawab yang dimiliki oleh jemaah untuk menjaga masjid sebagai tempat ibadah di kalangan India Muslim di anggap oleh Muhammad Yunus sebagai kunci kejayaan pembinaan Masjid India hingga sekarang.⁵⁰

Selain daripada dana di atas, Masjid India juga memperoleh sumbangan kewangan daripada kotak-kotak amal yang dibuka setiap minggu khususnya pada hari jumaat, pendapatannya mencapai kira-kira RM 3000.00 hingga ke RM 5000.00. Kadang-kadang sumbangan yang diberikan mencecah RM 10 000.00 perbulan dari beberapa penyumbang dan para dermawan lain khususnya India Muslim yang telah memberikan secara langsung di pejabat Masjid India. Dengan sumbangan ini, keperluan pengurusan Masjid India yang mencapai kira-kira RM 20.000.00 perbulan dapat dipenuhi pada setiap bulan⁵¹.

Kos pembiayaan Masjid India perbulan⁵² adalah:

a.)	Gaji 3 imam	=	RM 2500.00
b.)	Gaji 2 orang bilal	=	RM 1400.00
c.)	Gaji 8 pekerja	=	RM 4000.00
d.)	Elektrik	=	RM 1000.00
e.)	Air	=	RM 600.00
f.)	Pencuci pakaian dan sembahyang dan barang	=	RM 1000.00
<hr/>			
	Total kos pembayaran yang dikeluarkan	=	RM 15.800.00

⁴⁹ Ibid.

⁵⁰ Hasil temubual dengan Encik Hj. Yunus, 10-10-2002, pukul 3.40 ptg. di pejabat Pengurusan Masjid India.

⁵¹ Dokumentasi dari Jabatan Pengurusan Masjid India.

⁵² Dokumentasi Pengurus Masjid India dan temubual dengan Encik Hj. Yunus, 10-10-2002, pukul 3.40 ptg. di pejabat Pengurusan Masjid India.

Pembiayaan pembinaan masjid yang tidak mengharapkan sumbangan dari pihak kerajaan ini memang patut untuk dijadikan contoh yang baik bagi masjid-masjid yang lain di Malaysia, sekurang-kurangnya dari segi pembiayaan pembangunan masjid. Ini merupakan bentuk ukhuwwah Islamiyah yang sangat kuat di kalangan India Muslim di Kuala Lumpur seperti yang pernah dicontohi Rasulullah SAW dan para pengikutnya dalam sejarah Islam di segenap penjuru dunia Islam.

Masjid tidak hanya dijadikan sebagai tempat ibadah *maḥḍhah* sahaja, tetapi betul-betul menjadi pusat syiar Islam dan dakwah Islamiyyah yang dijalankan atas dasar ukhuwwah Islamiyyah seluruh jemaahnya.

2.5 Pengurusan Masjid dan Carta Organisasi

Keazaman mempertahankan nilai-nilai agama memerlukan sistem pengurusan yang profesional dan baik, kerana ia sangat penting. Sumber kewangan yang besar dalam sebuah organisasi tidak menjamin kejayaan program-program pengurusan. Justeru itu, masjid sebagai tempat ibadah harus dipelihara dan dijaga dengan sistem pengurusan yang kukuh agar dapat mencapai matlamat dunia dan akhirat.

Fungsi asal masjid adalah kekal seperti yang dijelaskan oleh ramai ulamak Islam dalam perkembangan sejarahnya, tetapi mempunyai operasi, pengurusan,

pentadbiran dan aktiviti yang berubah. Perubahan ini berlaku daripada suatu suasana kepada suasana lain, dan dari satu lokasi ke lokasi lain. Masjid India yang berlokasi di Jalan Masjid India dan terletak di pusat bandaraya Kuala Lumpur tentunya mempunyai sistem pentadbiran yang berbeza dengan masjid-masjid yang lain di Kuala Lumpur. Lebih-lebih lagi masjid ini adalah masjid yang mempunyai ciri khas yang terdapat di “India”.

Masjid India mempunyai sistem pengurusan yang cukup baik dalam melaksanakan program-program kerjanya. Baik dalam hal administrasi, kewangan, pendidikan dan dakwah. Program-program yang dimiliki dapat dijadikan contoh bagi masjid-masjid yang lain di Malaysia. Pengurusan dan jawatan kuasa masjid India ini dipilih oleh majlis ahli-ahli Masjid India secara musyawarah bukan oleh Jabatan Agama Islam. Tetapi tidak dapat dinafikan bahwa Jabatan Agama Islam juga mempunyai peranan dalam memberi sumbangan fikiran untuk kemajuan Masjid India.

Usaha yang dilakukan oleh pengerusi Masjid India dalam memberi perhatian kepada pendidikan rohani telah memberi kesan terhadap jamaah India Muslim di masjid ini. Kejayaan tersebut adalah kerana organisasi yang ditubuhkan berjaya memberi komitmen yang baik, manakala program-programnya memang diminati oleh ramai jemaah masjid.

Sebagaimana penulis membuat salinan daripada fail yang terdapat pada Pengurusan Masjid India, bahawa susunan pengurusan masjid dan carta organisasi Masjid India adalah seperti berikut:

Pengurusan Masjid dan Carta Organisasi⁵³

Majlis Masjid India Kuala Lumpur Senarai Nama-nama Ahli Jawatan Kuasa Masjid India

Jawatan	Nama	No.Kop	Pekerjaan
Pengerusi	YB. Tan Sri Dato S.Ok. 'Ubaidillah, PSM, DPMS, JMN.	407029	Pengurus syarikat
Naib Pengerusi	Encik A.V.M. Haji Maideen	7971042	Pengarah Syarikat
Setiausaha	Dr. Hj. Sirajudeen M. Sultan	4067729	Doktor Pergigian
Bendahari	Encik Adam Azizul Huq	4410071-5083	Pengarah Syarikat
Ahli Jawatan Kuasa	Tuan Hj. AA, Nohd Mohindeen	7875743	Pengarah Syarikat
Ahli Jawatan Kuasa	Tuan Hj. Mohd Miskeen	3414377	Pengarah Syarikat
Ahli Jawatan Kuasa	Encik Habib Rahimin	8152944	Pengarah Syarikat
Ahli Jawatan Kuasa	Encik Hishamuddin		Pengarah Syarikat
Ahli Jawatan Kuasa	Mohammad Ibrahim bin Haja Mohideen	650929-71-5035	Peniaga
Ahli Jawatan Kuasa	Shahul Hameed bin Noor Mohd	680428-12-5309	Peniaga

Jika dilihat dari carta organisasi di atas, dapat kita katakan bahawa sememangnya pengurusan Masjid India, baik pengerusi, setiausaha, bendahari hingga para ahli jawatan kuasa, ahli perniagaan dan pengarah syarikat yang memang mempunyai kemampuan untuk memimpin dan mentadbir dengan baik. Walaupun di tengah kesibukan sebagai pemimpin keluarga, pengarah syarikat, atau peniaga, tetapi mereka mampu mengawal dan mentadbir serta mengadakan mesyuarat sesama mereka bila diadakan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang terdapat di Masjid India.

⁵³ Dokumentasi dari Jabatan Pengurusan Masjid India.

Pihak pengurusan Masjid India sangat mengambil berat dalam masalah ceramah dan imam di masjid tersebut, hingga mereka mampu mendatangkan imam dari luar negara khususnya daripada India untuk menjadi imam di Masjid India tersebut. Terdapat tiga orang imam yang bertugas di Masjid India buat masa ini dan kesemua mereka adalah berasal daripada India. Mereka sangat fasih berbahasa Arab dan Inggeris, serta hafiz al-Qur'an dan memiliki ilmu-ilmu Islam yang sangat dalam. Di antara Imam Masjid India tersebut ialah: Ust. Hj. Abdullah Mustafa (hafiz) daripada India, Ust. Hj. Rofiuddin (hafiz) daripada India dan Hj. Muhammad Soleh daripada India. Kemudian bilalnya adalah: Ust. Abdul Gofur (India) dan Ust Azhari (Melayu).⁵⁴

Imam sebagai pimpinan sembahyang sudah semestinya memiliki pengetahuan agama yang cukup, sehingga mampu menjelaskan persoalan-persoalan umat Islam dan menjelaskan ajaran dan ilmu-ilmu Islam dengan baik. Dalam hal ini pengurusan Masjid India sangat mengambil berat, kerana sudah semestinya imam mempunyai kemampuan sebagai tempat rujukan maklumat, guru dan perunding para jemaah.

2.6 Kemudahan-Kemudahan yang Terdapat di Masjid

Masjid yang terletak di tengah-tengah bandaraya Kuala Lumpur ini, selain mempunyai nilai sejarah yang tersendiri, ia juga menjadi tempat ibadah yang diminati dan menjadi tumpuan ramai kaum India Muslim untuk saling mengeratkan hubungan silaturahim sesama jemaah India Muslim. Dari hasil

⁵⁴ Temubual dengan Encik Hj. Yunus, 10-10-2002, pukul 3.40 ptg. di pejabat Pengurusan Masjid India.

observasi yang dilakukan oleh pengkaji, bilangan jemaah sembahyang Jumaat di Masjid India pada setiap minggu seramai 4000 orang hingga 4500 orang dan 95% jemaahnya adalah orang-orang India Muslim⁵⁵. Melalui pertemuan sesama kaum di antara mereka, maka mereka dapat mempererat lagi silaturahim antara India Muslim khususnya dan umat Islam amnya.

Pihak Masjid India telah mengedarkan risalah-risalah secara percuma kepada para jemaah tentang pungutan zakat, pelaksanaan puasa dan bimbingan haji sekiranya ada di kalangan jemaah yang hendak mengamalkan ibadah tersebut. Pihak masjid secara aktif juga mengurus zakat fitrah dan zakat harta dengan baik untuk dibagikan kepada yang berhak menerimanya melalui Badan Pungutan Zakat.

Memandangkan kedudukan Masjid India ini terletak di kawasan pusat membeli belah, pihak masjid mengambil berat terhadap masalah kebersihan dan keamanan masjid. Ketika di luar waktu solat, pintu pagar akan ditutup untuk mengelakkan kalau-kalau masjid hanya digunakan sebagai tempat persinggahan dan boleh mengotori kebersihan masjid. Pihak masjid pun secara teliti menjaga keselamatan barang-barang daripada kecurian yang tidak diingini. Dalam hal ini, Masjid India menyediakan tempat menyimpan barang-barang dan selipar, sehingga para jemaah dapat sembahyang dengan selesa. Dari hasil penyelidikan penulis, Masjid India walaupun terletak di pusat keramaian manusia, ia termasuk masjid yang cukup selesa dan bersih.

⁵⁵ Data ini merupakan hasil observasi pengkaji dengan menghitung jumlah jemaah Masjid India pada 4 minggu berturut-turut di bulan Oktober 2002.

2.7 Kesimpulan

Kedudukan Masjid India yang terletak di Jalan Masjid India Kuala Lumpur adalah tempat yang sangat strategi untuk dikunjungi, samada untuk beribadah atau pun untuk silaturrahim diantara sesama Muslim serta urusan perniagaan, kerana sebagai pusat bandar yang menawarkan kemudahan untuk keperluan warga Kuala Lumpur dan sekitarnya, bahkan Jalan Masjid India ini menjadi destinasi pelancongan yang diminati pelancong asing.

Walaupun berada di tengah kota, namun fungsi sebuah masjid tetap berjalan sebagaimana biasa. Justeru itu sebagai tempat ibadah dan pengabdian kepada Tuhan, tidak dapat dielakkan daripada dikunjungi oleh masyarakat yang berada di sekitar bandaraya Kuala Lumpur. Pengaruhnya terhadap mental masyarakat sangat besar, kerana masjid adalah simbol seni, harmoni, rohani dan nilai-nilai sosial dalam kehidupan manusia. Nilai-nilai falsafah masjid tidak hanya muncul daripada individu-individu sahaja tetapi juga dari simbol seni bina, pengurusan masjid, kegiatan-kegiatan ibadah dan dakwah yang diadakan di masjid.

Sejarah penubuhan Masjid India yang menarik dan pengurusannya yang baik dalam mentadbir masjid dapat dijadikan contoh oleh masjid-masjid yang masih lemah pengurusannya. Walaupun dana pengurusan masjid tidak dibiayai penuh oleh kerajaan, tetapi semangat gotong royong antara sesama Muslim dalam masyarakat India memainkan peranan yang sangat penting dalam mengumpul keperluan dana untuk membiayai pembangunan masjid dan pengurusan pentadbiran setiap hari.